

# e-BULETIN MET



FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

# Sidang Editor

eISSN: 2990-9805

**Prof. Dr. Mohd Fadzli bin Abdollah, CEng. MiMechE**

Penaung

**Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Afzanizam bin Mohd Rosli, CEng MIET**

Penasihat

**Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohd Azli bin Salim, CEng. MiMechE**

Ketua Editor

Editor:

Prof. Madya Dr. Nor Azmmi bin Masripan

Dr. Yusmady bin Mohamed Arifin

Ts. Dr. Ahmad Fuad bin Ab Ghani

Dr. Nor Salim bin Muhammad

Ts. Mohd Ruzi bin Harun

Ts. Dr. Mohd Farid bin Ismail

Diterbitkan dan Dicitak di Malaysia oleh:

Penerbit UTeM Press

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal


Melaka, Malaysia

Tel: +606 270 1241

Faks: +606 270 1038

e-Buletin MET, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknikal Malaysia Melaka adalah sebuah e-buletin yang akan diterbitkan 2 kali setahun

# ISI KANDUNGAN



- |    |  |    |  |
|----|--|----|--|
| 4  | Dari Meja Ketua Editor   | 5  | Sekapur Sireh Dekan Fakulti  |
| 6  | Kenali Pentadbir Fakulti   | 7  | Senarai Pengerusi Jawatankuasa Fakulti   |
| 8  | Jom Berkenalan dengan Jawatankuasa Penerbitan Fakulti                            | 9  | Graduan Pascasiswazah FTKM 2023  |
| 10 | Senarai Penuh Graduan Pascasiswazah  | 11 | Penerima Anugerah Canselor Peringkat Doktor Falsafah                           |
| 12 | Penerima Anugerah Naib Canselor Peringkat Sarjana Kerja Kursus                   | 13 | Graduan Doktor Falsafah  |
| 14 | Graduan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kejuruteraan Tenaga)              | 15 | Warna-Warni Majlis Konvokesyan 2023  |
| 16 | Pendaftaran Pelajar Pascasiswazah Sem 1 Sesi 2023/2024                           | 17 | ICE-SEAM 2023  |
| 18 | Dakwat Berkonduktif dari Bahan Hibrid  | 19 | Hiburan Mahasiswa: Di mana Pemimpin Mahasiswa Boleh Berperanan?                |
| 20 | Elemen Pertandingan dan Persaingan (Gamifikasi) di dalam Pengajaran Kejuruteraan | 21 | Understanding Ergonomics: A Concise Guide for Mechanical Engineering Graduates |
| 23 | Kursus Persijilan Profesional Antarabangsa: TRIZ                                 | 24 | Kajian Di Makmal Penyelidikan FTKM   |
| 25 | Kepentingan Menggunakan Minyak Enjin yang Di Syorkan                             | 26 | Lawatan Kolaborasi Universiti - Industri                                       |
| 27 | Aplikasi Nanogentian Dalam Penapisan Udara                                       | 28 | Penerima Geran FRGS dan PRGS Tahun 2023  |
| 29 | Penerima Geran Penyelidikan Penerbitan Buku Ilmiah Tahun 2023                    | 30 | Seminar Pemindahan Ilmu di Politeknik Malaysia                                 |
| 31 | Kenaikan Pangkat Staf Akademik 2023  | 33 | Tahniah Staf FTKM  |
| 35 | Inilah FTKM: Aktiviti yang Di Jalankan   |    |  |

# Dari Meja *Ketua Editor*

**Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Mohd Azli bin Salim, CEng. MiMechE**



*"Telah di  
jenamakan semula  
sebagai e-Buletin  
MET"*

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani dan selawat kepada junjungan besar, Nabi Muhammad SAW.

Alhamdulillah dengan rahmat Allah SWT, dapat kita bertemu sekali lagi di dalam e-Buletin edisi kedua yang diterbitkan oleh Jawatankuasa Penerbitan, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Untuk pengetahuan semua, e-Buletin kali ini telah di jenamakan semula sebagai titik tolak penggabungan di antara dua fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan di universiti ini. Sempena penggabungan ini, buletin ini telah di beri nama sebagai e-Buletin MET, di mana MET membawa maksud "Mechanical Engineering & Technology".

Di dalam e-Buletin MET ini, ianya telah di susun dan di adun penyampaiannya agar ianya mudah di baca dan di fahami oleh semua lapisan masyarakat tidak kira warga kerja universiti atau pembaca umum. Serba sedikit perkongsian teknikal dan bukan teknikal juga di rangkumkan bersekali di dalam e-buletin kali ini. Coretan-coretan aktiviti penting sepanjang Julai hingga Disember 2023 turut di rangkumkan agar pembaca dapat mengetahui aktiviti-aktiviti yang telah di jalankan di fakulti ini.

Akhir kalam, saya menyusun beribu kemaafan seandainya e-Buletin MET ini mempunyai sebarang kekhilafan dan kesalahan.

Sekian. Wassalam.



# SEKAPUR SIRIH

## Dekan Fakulti



**Prof. Dr. Mohd Fadzli bin  
Abdollah, CEng. MiMechE**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT serta selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kerana dengan izin- dan rahmah-Nya, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dapat menerbitkan e-Buletin MET bagi sesi Disember 2023. Tahniah juga di ucapkan kepada Jawatankuasa Penerbitan Fakulti sesi 2023-2025 kerana bertungkus-lumus menyiapkan e-Buletin ini di samping kerja hakiki.

Secara amnya, e-Buletin MET ini adalah penjenamaan semula kepada e-Buletin ME yang telah di terbitkan pada Jun 2023 yang lalu. Penjenamaan ini di lakukan adalah disebabkan oleh penggabungan dua fakulti di universiti ini, iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

Asasnya, dengan penggabungan ini saya amat percaya dan yakin bahawa fakulti ini akan melangkah lebih jauh ke hadapan di dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, konsultansi dan sebagainya.

Selain itu, penggabungan ini turut merealisasikan agenda universiti untuk merencanakan elemen penyelidikan di dalam dan di luar negara.


Kehadiran e-Buletin MET ini juga memainkan peranan penting agar aktiviti-aktiviti yang di jalankan oleh fakulti ini dapat di kongsi kepada semua warga kerja universiti secara khasnya dan juga pembaca di luar sana.

Semoga kehadiran e-Buletin ini turut membeti ruang dan peluang untuk fakulti ini berkongsi ilmu, pengalaman, kepakaran dan sebagainya. Di harapkan agar warga fakulti ini dapat menyokong usaha murni ini dan akhirnya meningkatkan kualitinya pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

# MARI KENALI


# Pentadbir Fakulti



SILA LAYARI LAMA SESAWANG FAKULTI UNTUK MAKLUMAT LANJUT:

<https://ftkm.utem.edu.my/dy text>

Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM)  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya, 76100  
Durian Tunggal, Melaka, Malaysia  
ftkm@utem.edu.my  
+606-2704341



# SENARAI PENGERUSI JAWATANKUASA FAKULTI



# JOM BERKENALAN DENGAN JAWATANKUASA PENERBITAN FAKULTI

## TUGAS JAWATANKUASA PENERBITAN



## JAWATANKUASA PENERBITAN FTKM

FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
SESI 2023 - 2025



Prof. Madya Ir. Ts. Dr.  
Mohd Azli bin Salim



Prof. Madya Dr. Nor  
Azmmi bin Masripan



Dr. Yusmady bin  
Mohamed Arifin



Ts. Dr. Ahmad Fuad bin  
Ab Ghani



Dr. Nor Salim bin  
Muhammad



Ts. Mohd Ruzi bin Harun



Ts. Dr. Mohd Farid bin  
Ismail



# TAHNIAH!

Disediakan oleh:  
Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Afzanizam bin Mohd Rosli,  
CEng. MIET

## GRADUAN PASCASISWAZAH FTKM 2023 Konvokesyen UTeM kali ke-19

Setinggi - tinggi tahniah kepada 34 graduan pascasiswazah Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM) yang telah bergraduat pada kovokesyen UTeM ke 19 pada 4 November 2023. Seramai 2 graduan adalah dari program Doktor Kejuruteraan, 6 dari program Doktor Falsafah, 11 dari program Sarjana Penyelidikan dan 15 dari program Sarjana Kerja Kursus. Turut diraikan penerima anumerta PhD iaitu arwah Dr Rokhmadi yang merupakan pelajar antarabangsa dari Indonesia.



Lebih menggemirakan. 2 pelajar pascasiswazah FTKM telah menggondol anugerah pada konvokesyen kali ini iaitu Anugerah Canselor (PhD) iaitu Dr. Ameeruz Kamal Bin Ab Wahid dan Anugerah Naib Canselor – Kerja Kursus (Kejuruteraan) iaitu Puan Norida Binti Mohammad Noor. Berikut adalah senarai penuh graduan FTKM mengikut program masing – masing di muka surat 10.



Tahniah kepada semua graduan dan tidak ketinggalan kepada penyelia masing – masing dan pengajar program sarjana kerja kursus dalam usaha memastikan pelajar berjaya dalam pengajian masing – masing.





# Senarai Penuh Graduan Pascasiswazah

PELAJAR DOKTOR FALSAFAH			
BIL.	NAMA PELAJAR	NAMA PENYELIA UTAMA	NAMA PENYELIA BERSAMA
1	DR. ADZNI BIN MD. SAAD	PROF. MADYA IR. TS. DR. MOHD AZLI BIN SALIM	IR. TS. DR. FAUZI BIN AHMAD
2	DR NORHISHAM BIN ISMAIL	PROF. MADYA IR. TS. DR. MOHD AZLI BIN SALIM	PROFESOR MADYA DR NOR AZMMI BIN MASRIPAN
3	DR. SOLEHAH BINTI JASMEE	PROFESOR IR. TS. DR. GHAZALI BIN OMAR	PROFESOR MADYA DR NOR AZMMI BIN MASRIPAN
4	DR. AMEERUZ KAMAL BIN AB WAHID	PROFESOR MADYA IR. TS. DR. MOHD AZLI BIN SALIM	PROFESOR MADYA DR NOR AZMMI BIN MASRIPAN
5	DR. NOR ANA BINTI ROSLI	PROFESOR MADYA IR. TS. DR. MOHD RIZAL BIN ALKAHARI	PROFESOR DR. MOHD FADZLI BIN ABDOLLAH
6	DR. ZATIL HAFILA BINTI KAMARUDDIN	DR. RIDHWAN BIN JUMAIDIN	PROFESOR MADYA TS. DR. MOHD ZULKEFLI BIN SELAMAT

SARJANA KERJA KURSUS		
BIL.	NAMA PELAJAR	NAMA PENYELIA UTAMA
1	MISALINI A/P NARASAMMAN	PROFESOR MADYA DR MOHD JUZAILA BIN ABD. LATIF
2	FARISYA FARHANA BINTI ZULKIFLEE	PROFESOR MADYA DR MOHD JUZAILA BIN ABD. LATIF
3	MUHAMMAD FAKHRULLAH BIN ABDUL MAJID	DR. SHAMSUL ANUAR BIN SHAMSUDIN
4	ISMANIZA ISMAIL	PROF. MADYA DR. NOR AZMMI BIN MASRIPAN
5	JAYAPRAKASH PONNAIYAN	PROFESOR MADYA IR. DR. MOHD AFZANIZAM BIN MOHD ROSLI
6	NORIDA BINTI MOHAMMAD NOOR	PROF. MADYA IR. TS. DR. MOHD AZLI BIN SALIM
7	IMANUL IRFAN BIN SAIFUDDIN	PROFESOR MADYA IR. DR. MOHD AFZANIZAM BIN MOHD ROSLI
8	MAGDELSON HAYES ANAK SEN	IR. TS. DR. MOHD ZAID BIN AKOP
9	MOHD KHAILIL RIDZWAN BIN MOHAMAD AKRAM	DR. NADLENE BINTI RAZALI
10	WAN FAIRUZ BIN WAN YUSOF	DR. MOHD RODY BIN MOHAMAD ZIN
11	AB. HAKIM BIN AB. HALIM	IR. DR. FAIZUL AKMAR BIN ABDUL KADIR
12	AZHARI BIN MOHD NOH	DR. HILMI BIN AMIRUDDIN
13	IZAD IZUDIN BIN ABDUL HAMID	PROFESOR MADYA IR. DR. MOHD AZMAN BIN ABDULLAH
14	MOHD HUSHARILAMRI BIN HUSAIN	IR. TS. DR. FAUZI BIN AHMAD
15	NURUL SHAHIRA BINTI MOHD KASSIM	TS. DR. MOHD HANIF BIN HARUN

DOKTOR KEJURUTERAAN		
BIL.	NAMA PELAJAR	NAMA PENYELIA UTAMA
1	DR. IMANUREZEKI BIN MOHAMAD	PROFESOR MADYA DR AHMAD ANAS BIN YUSOF
2	DR. MUHAMMAD ASYRAF BIN SAID	PROFESOR MADYA IR. TS. DR. ABDUL TALIB BIN DIN

DOKTOR FALSAFAH (ANUMERTA)		
BIL.	NAMA PELAJAR	NAMA PENYELIA UTAMA
1	DR. ROKHMADI	DR NOR SALIM BIN MUHAMMAD

Berjalan kaki mencari kelapa  
 Letih berjalan tidak bermaya  
 Jasa pembimbing tidak dilupa  
 Semoga graduan terus berjaya

SARJANA SAINS			
BIL.	NAMA PELAJAR	NAMA PENYELIA UTAMA	NAMA PENYELIA BERSAMA
1	FURAS ANES SALEH HAMSHARY	PROFESOR MADYA DR MOHD JUZAILA BIN ABD. LATIF	DR. MOHAMAD SHUKRI BIN ZAKARIA
2	HASANUDIN BIN HAMDAN	DR. NADLENE BINTI RAZALI	PROFESOR MADYA DR NURFAIZEY BIN ABDUL HAMID
3	NOOR MIRZA SYAMIMI BINTI HJ MORTADHA	DR. SUHAILA BINTI SALLEH	DR. WAN MOHD FARID BIN WAN MOHAMAD
4	NUR DAMIA ASMA BINTI ROSLE	PROFESOR MADYA DR FATIMAH AL-ZAHRAH BINTI MOHD SA'AT	PROFESOR MADYA DR RAJA NOR FIRDAUS KASHFI BIN RAJA OTHMAN
5	AIDA HARYATI BINTI JAMADI	DR. NADLENE BINTI RAZALI	DR. MASTURA BINTI MOHAMMAD TAHA
6	AZMIL ARIF BIN MOHAMAD WAZIR	PROFESOR MADYA DR NURFAIZEY BIN ABDUL HAMID	DR. MASJURI BIN MUSA @ OTHMAN
7	CHOU AW LIN	PROFESOR MADYA DR FATIMAH AL-ZAHRAH BINTI MOHD SA'AT	DR. FADHILAH BINTI SHIKH ANUAR
8	FAVIAN JIKOL	IR. TS. DR. MOHD ZAID BIN AKOP	DR. YUSMADY BIN MOHAMED ARIFIN
9	MUHAMMAD NUR ALIFF BIN MOHD NORZAM	DR. JUFFRIZAL BIN KARJANTO	DR. NIDZAMUDDIN BIN MD. YUSOF
10	NURFARAH DIANA BINTI MOHD RIDZUAN TAN	IR. DR. FUDHAIL BIN ABDUL MUNIR	IR. DR. MOHD SHUKRI BIN YOB
11	NURSYAIRA BINTI MOHD SALLEH	DR. MOHAMAD SHUKRI BIN ZAKARIA	PROFESOR MADYA DR MOHD JUZAILA BIN ABD. LATIF

# Penerima Anugerah Canselor

## Peringkat Doktor Falsafah

Dr. Ameeruz Kamal bin Ab Wahid merupakan pemegang ijazah kedoktoran (PhD) dalam bidang kejuruteraan mekanikal (2023) di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Beliau mempunyai kelulusan dalam Diploma Mekatronik di Politeknik Ungku Omar (PUO), Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Rekabentuk dan Inovasi, dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Pengurusan Teknologi dan Inovasi di UTeM masing-masing pada tahun 2004, 2008 dan 2011.

Beliau mempunyai pengalaman industri selama lapan tahun dalam bidang mekanikal. Memulakan kerjaya sebagai juruteknik penyelenggaraan mekanikal di industri percetakan wang kertas G&D Sdn. Bhd. (M), jurutera ujian dan pentauliahan industri transit rel ringan (LRT) Rolling Stock Consultant Sdn. Bhd. dan pengurus teknikal syarikat pengkomputeran, Mastana Vision Enterprise.

Dr. Ameeruz telah menjadi pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Sultan Azlan Shah, Behrang, Perak sejak dari tahun 2014 sehingga kini. Setakat ini, beliau pernah menerima dan menjadi ahli kumpulan kepada tiga projek geran KPT dalam bidang TVET yang berjumlah keseluruhan RM180,000.00. Beliau berdaftar sebagai jurutera siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia sejak tahun 2017. Beliau juga mempunyai sijil professional dari Dassault Systemes dalam perisian CATIA Rekabentuk Bahagian pada tahun 2018 dan sijil professional KNX Association sistem elektrik kediaman pada tahun 2023.

Dalam bidang penulisan dan penerbitan, Dr. Ameeruz telah menerbitkan 14 jurnal terindeks WoS dan SCOPUS dalam bidang Mekanikal. Menurut Google Scholar, beliau telah menerima 7 kali rujukan dalam penulisan sejak tahun 2018 sehingga kini, dan dua h-index pada tahun 2022.

Disediakan oleh:  
Dr. Ameeruz Kamal bin Ab Wahid  
Pensyarah Politeknik Sultan Azlan Shah



### Sinopsis Tesis:

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji ciri-ciri dan aplikasi dakwat konduktif graphene dan perak yang dicampur dengan pelarut organik, mempunyai kerintangan rendah, kelenturan tinggi, dan kekonduksian haba yang tinggi. Empat strategi telah digunakan untuk membangunkan dakwat tersebut. Yang pertama adalah untuk merumuskan formulasi baru dakwat konduktif. Yang kedua ialah untuk mencirikan perlakuan elektrik, mekanikal dan haba bagi rumusan baharu dakwat konduktif. Yang ketiga adalah untuk mensimulasikan ciri-ciri formulasi yang dicadangkan dengan menggunakan kaedah unsur terhingga (FEM). Keempat adalah untuk mengesahkan hubungan kekonduksian haba dan kerintangan formulasi baru. Untuk menilai prestasi dari segi kekonduksian elektrik, mekanikal dan haba, penyelidikan ini mula-mula membangunkan garis dasar GNP yang menggunakan GNP sebagai satu-satunya pengisi konduktif dengan epoksi. Analisis unsur terhingga (FEA) telah digunakan untuk mengesahkan kebolehgangan garis dasar GNP dan formulasi kekonduksian haba. Berikutan itu, penyelidikan telah dijalankan terhadap perumusan dan prestasi hibrid GNP dengan menggunakan GNP, plat perak (Ag), dan asetat perak (SA) sebagai pengisi konduktif yang dicampur dengan pelarut organik. Selepas ujian memusing dan membengkok, kebolehpercayaan formulasi hibrid GNP dinilai.



# Penerima Anugerah Naib Canselor

## Peringkat Sarjana Kerja Kursus

Norida binti Mohammad Noor, merupakan seorang pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. Bertugas sebagai pensyarah Politeknik di Malaysia sejak tahun 2001.

Secara asasnya, beliau merupakan pemegang Diploma dan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Teknologi Malaysia. Dengan minat yang amat mendalam di dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal, beliau menyambungkan pengajian di peringkat sarjana dan akhirnya di anugerahkan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Tenaga).

Semasa pengajian sarjana, beliau telah menjalankan kajian penyelidikan berkaitan bidang nanoteknologi di dalam aspek dakwat konduktif untuk industri elektronik. Setelah tamat pengajian sarjana, beliau telah menyambungkan pengajian di dalam Ijazah Doktor Falsafah di dalam bidang nanoteknologi juga.

Semasa istiadat konvokesyen UTeM yang ke-19, beliau di nobatkan sebagai Penerima Anugerah Naib Canselor yang di sempurnakan oleh Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

### Sinopsis Tesis:

*My research is about the correlation study on different temperature-humidity of highly thermal graphene hybridization conductive ink. The aim of this research is to develop and formulate a highly thermal graphene hybridization conductive ink combining graphene nanoparticle (GNP), silver flakes (Ag), and silver acetate (SA) as conductive fillers mixed with chemical and organic solvents. Currently, the use of soldering for die-attach can cause thermal stress and has environmental concerns. Conductive ink was considered as an alternative, but it had limitations in dispersibility and conductivity. Environmental factors such as moisture and extreme temperature changes can also affect the conductivity of the ink over time. This new material would have improved properties that overcome the limitations of traditional materials while preserving their beneficial characteristics. In order to evaluate the performance, the resistivity of the hybrid GNP conductive ink at room temperature is set as the baseline and compare it to the resistivity readings obtained at varying temperatures-humidity levels. After the twisting and bending test, the GNP hybrid formulation reliability was evaluated. It demonstrate that the electrical conductivity of the ink does not degrade significantly as the temperature-humidity increases, indicating that the ink are able to maintain its structural integrity and properties with certain temperature range. This signifies hybrid conductive ink has good thermal stability and demonstrates that mixing GNP with silver improves the performance of electrical conductivity.*



Disediakan oleh:  
Norida binti Muhammad Noor  
Pensyarah Politeknik Ungku Omar



# Gaduan Doktor Falsafah

Dilahirkan di Kelantan pada 22 November 1989 dan merupakan anak kedua di dalam keluarga. Pernah membesar di beberapa negeri seperti di Sarawak, Melaka, dan Kelantan disebabkan pekerjaan ayah sebagai tentera darat.

Pernah bersekolah di beberapa sekolah dan menamatkan sekolah dan Sijil Pelajaran Malaysia di Sekolah Teknik Bachok, Kelantan. Melanjutkan pengajian di Matrikulasi Masjid Tanah, Melaka. Tetapi menamatkan pengajian dengan gred yang rendah dan perlu memulakan semula pengajian tinggi pada tahap diploma di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Kuantan (KKTMM), Pahang di dalam bidang kejuruteraan pembuatan.

Selepas itu menyambung pengajian pada ijazah sarjana muda di Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI), Kedah di dalam bidang teknologi kejuruteraan Mekanikal. Disebabkan Impian, pengajian pada tahap ijazah sarjana dan doktor falsafah dilanjutkan lagi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di dalam bidang mekanikal dan berjaya mendapatkan gelaran doktor falsafah pada tahun 2023.

Pernah bekerja sebagai jurutera gred 1 dan jurutera pengeluaran gred 5 selepas menamatkan pengajian ijazah sarjana muda. Selain itu, pernah bekerja secara sambilan semasa melanjutkan pengajian doktor falsafah sebagai guru tuisyen, sukarelawan, dan penguji kualiti. Banyak terlibat dalam pertandingan rekacipta dan inovasi semasa menjalani pengajian. Di waktu luar pengajian ijazah sarjana dan doktor falsafah, terlibat dengan aktiviti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) pada peringkat negeri melaka. Tambahan pula, meminati aktiviti perkhemahan dan pendakian gunung. Selalunya mengisi masa lapang dengan bermain permainan komputer dan sukan badminton.

## Sinopsis Tesis:

Elektronik boleh dipakai yang terdiri daripada dakwat konduktif komposit nano separa cecair dan tapak fleksibel. Kajian ini menerangkan ciri-ciri elektrik, mekanikal dan bahan dakwat konduktif grafin (GNP) dan karbon hitam (CB) dalam keadaan terbeban dan tidak terbeban. Dakwat konduktif dicetak dengan empat corak; corak lurus, lengkung, segi empat dan zigzag. Hasil individu untuk setiap corak mempunyai fungsi sendiri dalam trek litar. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji ciri-ciri dan aplikasi dakwat konduktif GNP dan CB, yang mempunyai daya rintangan yang rendah, fleksibiliti yang tinggi, dan pengaliran elektrik yang tinggi. Terdapat beberapa kaedah bertujuan untuk membangunkan dakwat konduktif tersebut. Pertama, adalah merumuskan formula baru dakwat konduktif yang lebih baik daripada tanda aras yang lepas. Kedua, mencirikan sifat elektrik dan mekanikal dakwat konduktif formula yang baru. Ketiga, mencetak beberapa corak trek dakwat dengan mempertimbangkan corak yang biasa digunakan dalam litar PCB. Akhir sekali, trek corak diuji dengan ujian kitaran yang mewakili gerakan dinamik yang mungkin berlaku pada dakwat konduktif rekaan ini dan juga pembungkusan elektronik.



# Graduan Ijazah Sarjana

## Kejuruteraan Mekanikal (Kejuruteraan Tenaga)

Ismaniza binti Ismail merupakan seorang pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Ungku Omar (PUO). Anak kelahiran Klang, Selangor ini mempunyai latar belakang pendidikan bermula dengan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Termal-Bendalir) pada tahun 2008 dan terkini telah menamatkan pengajian di dalam Ijazah Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Tenaga) juga dari Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Seorang yang mempunyai minat yang mendalam di dalam bidang pendidikan teknikal dan telah mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun di dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal khususnya di dalam kursus Pneumatic & Hydraulics, Computer Aided Design, Mechanical Engineering Workshop dan Final Year Project. Sepanjang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana, pelbagai cabaran yang menguji ketabahan dan kesabaran telah dilalui. Selain doa dan usaha, hasil sokongan dan dorongan daripada keluarga, pensyarah, penyelia serta rakan-rakan, telah menjadikan perjalanan akademik ini semakin lancar dan akhirnya berjaya menamatkan pengajian dengan baik.

Harapan agar segala ilmu dan kemahiran yang diperolehi dapat menjadikan diri lebih berpengetahuan dan berdedikasi serta memberi nilai tambah dalam kerjaya sebagai pendidik seterusnya dapat menyumbang kepada anak didik agar menjadi insan yang hebat dan professional di dalam bidang kejuruteraan. Jika diizinkan Allah, impian yang ingin ditunaikan pada masa akan datang adalah untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi iaitu peringkat doktor falsafah, Phd.



### Sinopsis Tesis:

Tesis yang dihasilkan adalah bertajuk *Comparative Study on Bending and Torsional Effect of Highly Thermal Graphene Hybridization Conductive Ink*. Objektif kajian adalah untuk merumuskan rumusan hibridisasi baharu antara GNP dan Ag. Selain itu, rumusan baharu dakwat konduktif ini telah disiasat dan dicirikan dari segi kelakuan elektrik dan mekanikal. Seterusnya adalah untuk menilai rintangan dan kerintangan formulasi dakwat konduktif baharu menggunakan ujian lenturan dan kilasan. Penyelidikan telah dijalankan terhadap perumusan dan prestasi hibrid GNP menggunakan GNP, kepingan perak (Ag), dan perak asetat (SA) sebagai pengisi konduktif yang dicampur dengan pelarut organik untuk menghasilkan serbuk dan pes. Selepas ujian, kebolehpercayaan formulasi hibrid GNP dinilai dari segi kerintangan elektrik dan mekanikal.





# WARNA-WARNI MAJLIS KONVOKESYEN 2023





# PENDAFTARAN PELAJAR PASCASISWAZAH SEM 1 SESI 2023/2024







## ICE-SEAM 2023

### Putrajaya

Pada 14 September 2023, persidangan peringkat antarabangsa iaitu ICE SEAM 2023 buat kali ke 9 telah berlangsung dengan jayanya di Everly Hotel, Putrajaya. Melibatkan 119 penyertaan dari dalam dan luar negara bertemakan “Energy Efficient and Advanced Material for Sustainable Development” telah dijalankan secara bersemuka dan atas talian. Setinggi – tinggi penghargaan kepada Naib Censelor UTeM, Prof. Datuk. Ts. Dr. Massila Kamalrudin.

## BERLANGSUNG DENGAN JAYANYA



Terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan acara ini yang dianjurkan secara berselang-seli setiap tahun bersama Universitas Sebelas Maret (UNS), Indonesia. Jutaan terima kasih kepada pihak penaja dari SilTerera Malaysia Sdn Bhd, Kokka Trading, Combine Engineering & Rotating Sdn Bhd, Amtis Solution Sdn. Bhd, Nuerodynamics Enterprise and Edutech Supply & Services.



*Pergi ke UTeM menaiki kereta  
Singgah di kedai membeli sarapan  
Segala kekurangan maaf diminta  
Bertemu lagi di masa hadapan*



Semoga persidangan ini mencapai matlamatnya buat semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Sekiranya panjang umur dan murah rezeki, bertemu lagi di ICE SEAM yang akan datang.

# Dakwat Berkonduktif dari Bahan Hibrid

Bahan hibrid telah memberi sumbangan besar dalam kemajuan teknologi moden, tetapi isu-isu sintesisnya perlu diselesaikan agar lebih ramai pihak dapat memanfaatkan sepenuhnya. Komposisi modular bahan hibrid memungkinkan banyak komponen organik dan bukan organik untuk bergabung, di mana perubahan kecil dapat mempengaruhi sifat fizikal dan mekanikalnya. Sintering merupakan satu proses memampatkan bahan tanpa cairan, dan ia memainkan peranan penting dalam membentuk bahan hibrid.


Pada masa ini, banyak kajian yang memberi fokus kepada bahan hibrid seperti emas, tembaga, graphene dan perak yang menjanjikan pelbagai sifat unggul seperti konduktiviti elektrik tinggi, kekuatan mekanikal, dan keanjalan. Dalam industri semikonduktor, penggunaan logam pematerian dalam elektronik telah lama diamalkan, namun penggunaan logam seperti plumbum dalam pematerian boleh menimbulkan risiko kesihatan.

Di samping itu, menggunakan fluks yang mengandungi rosin menghasilkan asap pematerian yang jika dihirup, boleh mengakibatkan penyakit asma; serta boleh menyebabkan kerengsaan mata dan saluran pernafasan. Oleh itu, bahan termaju baru perlu di ketengahkan bagi mengganti penggunaan logam pematerian yang mengandungi plumbum.

- Kajian boleh dilaksanakan dengan menggunakan beberapa objektif seperti berikut:
- Mencadangkan kaedah penyediaan bahan hibrid graphene dan Perak.
- Mengkaji kesan suhu sintering pada sampel dengan die dan substrat yang berbeza.
- Menyiasat kekuatan ricih bahan hibrid melalui ciri rheologi dan sifat mekanikal.
- Menilai keberkesanan bahan hibrid dalam konduktiviti terma.

Eksperimen akan berfokus pada formulasi yang sesuai dengan menggunakan graphene sebagai pengisi. Ia akan dimulakan dengan penyelidikan formulasi graphene nanoplatelets (GNP), kemudian terus kepada formulasi hibrid GNP dengan pelarut organik atau agen penutup untuk dakwat konduktif. Eksperimen juga menguji pasta dalam aspek keadaan produk dan prestasi elektrik untuk menentukan sifat elektrik, mekanikal, dan haba formulasi dakwat konduktif GNP.


Semua data yang diperoleh boleh digunakan dalam analisis elemen terhingga (FEA) untuk memahami sifat-sifat dakwat konduktif. Akhirnya, struktur mikro dakwat konduktif akan ditentukan melalui pemerhatian morfologi.



Di sediakan oleh:  
Azmi bin Naroh  
Pensyarah Politeknik Ungku Omar  
(Pelajar Doktor Falsafah FTKM)



# HIBURAN MAHASISWA: Di mana Pemimpin Mahasiswa Boleh Berperanan?



OLEH:

MOHD KHAIRUL NIZAM BIN SUHAIMIN

Baru-baru ini negara kita dihebohkan dengan penganjuran konsert “Coldplay” di stadium bukit jalil. Pelbagai reaksi yang “berwarna-warni” yang dilontarkan para netizen berkenaan isu tersebut. Majoriti menentang, namun tidak kurang juga yang menyokong namun rata-rata tidak ambil kisah. Apa yang merisaukan konsert-konsert hiburan seperti ini disokong dan dihadiri oleh golongan muda termasuklah para mahasiswa-mahasiswa institut pengajian tinggi.

Lebih-lebih lagi sebelum ini tular juga video konsert percampuran lelaki dan wanita di sebuah IPTA dalam panatai timur. Kadang-kadang perkara seumpama ini menimbulkan pertanyaan atau perdebatan ringan dalam kalangan cendekiawan Menara gading “adakah hiburan tidak dibenarkan lansung dalam kalangan mahasiswa?”

Menelusuri kehidupan pelajar universiti hari ini, memang tidak dinafikan elemen-elemen hiburan menjadi pencorak kepada warna-warni sosial mahasiswa. Namun begitu, hiburan tidak seharusnya dibiarkan menjadi liabiliti kepada moral mahasiswa sebaliknya harus ditransformasikan sebagai prospek untuk pembentukan moral kearah yang lebih positif.

Hakikatnya, definisi hiburan ini sangatlah luas dan fleksibel. Dampak kerana hiburan negatif yang berlebihan, kita akui bahawa ia membawa kepada kebejatan sosial dalam kalangan mahasiswa kita hari ini namun begitu, dalam usaha meningkatkan pembangunan sosial yang cemerlang dalam kalangan penuntut-penuntut university, sekatan total terhadap hiburan bukanlah satu langkah penyelesaian yang pragmatik.

Secara relatifnya, hiburan tidak mampu disekat bahkan dek kerana ledakan sumber hiburan hadir dengan pelbagai cara seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Namun begitu, warga IPT terutamanya pemimpin mahasiswa sememangnya perlu memandangi ianya dari sudut positif bahawa ianya boleh dijadikan saluran yang efektif sebagai alternatif untuk membentuk keperibadian yang baik dalam diri mahasiswa-mahasiswa.

Maka, disinilah Majlis Perwakilan Pelajar atau persatuan kepimpinan pelajar fakulti misalnya menjadi tonggak kepada pembentukan modal insan yang unggul dalam kalangan siswa-siswi lain. Selain, berusaha menjadikan diri sebagai sumber inspirasi serta contoh yang baik kepada pelajar lain, ahli pemimpin mahasiswa sendiri perlu memikirkan inisiatif bagi menyediakan platform hiburan yang baik kepada pelajar-pelajar lain.






Pemimpin pelajar perlu sedar bahawa hiburan tidak boleh dijadikan “matlamat” sebaliknya menjadikan ianya “alat” yang berkesan sebagai aspirasi penerapan modal insan dalam kalangan pelajar-pelajar lain. Oleh kerana itulah, pemimpin pelajar perlu bijak menjadikan nilai-nilai seperti kesukarelawanan, kebajikan dan kerohanian sebagai teras dalam diri siswa-siswi. Kita pemimpin pelajar perlu aplikasikan transformasi dalam mempergunakan elemen-elemen hiburan dalam pelaksanaan program bermanfaat.

Saya ambil contoh program kutipan derma yang dilaksanakan dengan perasmian majlis mungkin agak kurang efisien berbanding langkah pragmatik mengadakan “flashmob” atau membuat kutipan derma melalui persembahan buskers yang dilihat mendapat tempat dalam kalangan anak-anak muda.

**“Natijahnya, para pemimpin mahasiswa sudah perlu bangkit dari kelesuan menjadikan hiburan sebagai matlamat dalam suatu pelaksanaan dasar atau program. Setiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan dengan apa yang dipimpin maka dengan ini saya menyeru kepada siswa-siswi untuk sama-sama untuk mempraktikkan hiburan sambil menyalurkan manfaat kepada orang lain.”**

# Elemen Pertandingan dan Persaingan (Gamifikasi) di dalam Pengajaran Kejuruteraan

OLEH: DR. YUSMADY MOHAMED ARIFIN

LOGO	QUIZ 1	QUIZ 2	QUIZ 3	QUIZ 4	QUIZ 5	QUIZ 6	WIN		NEW RANK
	W/L	W/L	W/L	W/L	W/L	W/L			
	1	1	1	0	1	1	5	24.871	#1
	1	1	1	1	0	1	5	23.801	#2
	1	1	0	1	1	1	5	22.971	#3
	0	1	1	1	1	1	5	20.048	#4
	1	0	1	0	1	1	4	25.245	#5

B041720027	GOH CHEE HUI				
B041720015	MUHAMMAD IQBAL BIN SUBOH				
B041720045	JAMES LIM CHUN SENG				
B041720016	YEW WAI LOON				

Mempelajari matapelajaran kejuruteraan dari perspektif seorang pelajar adalah sangat mencabar terutamanya apabila ia melibatkan banyak hukum-hukum fizik dan pengiraan matematik. Salah satu cara yang boleh menggalakkan pelajar supaya tertarik dengan matapelajaran kejuruteraan adalah melalui pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan selaras dengan minat generasi muda seperti menggabungkan elemen permainan atau pertandingan (gamifikasi) ke dalam kaedah pembelajaran. Dua pendekatan berbeza iaitu liga juara kuiz dan rencana dedikasi telah dilaksanakan dalam salah satu mata pelajaran yang sukar iaitu termodinamik. Kaedah-kaedah ini merupakan inisiatif yang dilakukan untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Oleh sebab itu, pengajaran perlu disampaikan dalam suasana yang penuh dengan keterujaan dan persaingan yang sihat.

Untuk pendekatan liga juara kuiz, kumpulan-kumpulan dibentuk, dimana markah kuiz individu dikumpulkan sebagai markah kumpulan. Kumpulan ini akan bersaing untuk lima kedudukan teratas dalam liga juara kuiz. Juara hingga tempat ke lima terbaik akan diberikan hadiah sebagai insentif. Pendekatan ini diperkenalkan berdasarkan keinginan generasi muda yang sukakan sesuatu yang berdaya saing. Kuiz di dalam kaedah ini adalah berasaskan masa, dimana pelajar yang dapat menjawab dengan betul dalam masa yang paling singkat akan mendapat markah tertinggi.

Ini akan meningkatkan kemahiran berfikir dan menjawab dengan cepat disamping mewujudkan persaingan diantara pelajar. Tarikh pelaksanaan kuiz ini dimaklumkan lebih awal supaya pelajar mempunyai masa yang mencukupi untuk belajar.

Percubaan adalah dibenarkan, ini akan menyebabkan pembelajaran berkumpulan akan berlaku secara tidak langsung. Pelajar yang cemerlang akan mengajar pelajar yang lemah bagi memastikan kumpulannya tidak ketinggalan dalam memperolehi markah yang tinggi. Namun pada masa yang sama, setiap individu pelajar masih perlu menyelesaikan masalah itu sendiri kerana data antara pelajar adalah berbeza. Setiap pelajar perlu cekap bagi memastikan mereka mendapat jawapan yang betul dalam masa yang sesingkat mungkin. Status kumpulan di dalam liga ini akan dipaparkan dalam blog pembelajaran, bagi mewujudkan rasa bangga atas pencapaian masing-masing dan juga keinginan untuk kekal berada ditangga yang teratas setiap kali kuiz ini dijalankan.

Bagi rencana dedikasi pula, ia adalah inisiatif untuk menghargai dedikasi dan komitmen pelajar dalam setiap proses pembelajaran. Kaedah ini bertujuan untuk menaikkan semangat pelajar dan mendorong mereka dalam mengharungi proses pembelajaran bagi mata pelajaran kejuruteraan yang sukar. Setiap aktiviti pembelajaran akan dibekalkan dengan rencana digital dan diberikan kepada pelajar yang mempunyai dedikasi dan komitmen yang tinggi dalam memenuhi syarat yang ditetapkan. Setiap rencana yang diperoleh memberikan markah tambahan kepada pelajar. Status pencapaian rencana untuk setiap pelajar juga akan dipaparkan dalam blog pembelajaran yang sama.

Pendekatan rencana ini direka hasil daripada pemerhatian terhadap sikap pelajar dan juga keinginan pensyarah untuk menghargai setiap apa yang pelajar usahakan dalam memajukan diri. Setiap rencana memberikan markah tambahan sebanyak 0.5% daripada jumlah markah keseluruhan.

**Untuk mengetahui lebih lanjut, sila imbas kod bar yang disertakan.**



**PELAJAR HANYA DIBENARKAN MENGUMPUL MAKSIMUM 5%. INI ADALAH INSENTIF UNTUK MELIBATKAN PELAJAR DALAM SEBARANG AKTIVITI PEMBELAJARAN SECARA AKTIF DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH**



# UNDERSTANDING GIGONOMICS: A Concise Guide for Mechanical Engineering Graduates

The gig economy, marked by short-term, flexible jobs facilitated through digital platforms, is transforming the traditional labour market. In this setup, individuals, often called gig workers or freelancers, engage in temporary, on-demand work as independent contractors, taking on specific tasks or projects for various clients or companies.

